

BAB 2.2 REKA BENTUK MEKANIKAL

BAHAGIAN A

1. Antara berikut manakah pernyataan yang benar tentang sistem mekanikal?
 - a. Menggunakan tenaga manusia sepenuhnya.
 - b. Membolehkan sesuatu produk berfungsi, bergerak atau berputar.
 - c. Menggunakan hanya satu komponen mekanikal sahaja.
 - d. Memastikan sesuatu produk berada dalam keadaan statik.
2. Rajah menunjukkan satu komponen mekanikal.



Apakah nama komponen itu?

- a. Gelongsor
 - b. Gear
 - c. Takal
 - d. Ball bearing
3. Antara berikut yang manakah fungsi pautan (linkage) ?
 - a. Memindahkan kuasa
 - b. Penghubung sesuatu komponen atau bahan.
 - c. Pengurang geseran bagi menggerakkan sesuatu komponen.
 - d. Menukar gerakan linear kepada gerakan putaran.

4. Rajah menunjukkan satu produk yang menggunakan komponen mekanikal X.



Apakah fungsi komponen X itu?

- a. Mengurangkan berat dan beban.
- b. Mengurangkan geseran.
- c. Menghubungkan takal pemacu dengan takal dipacu.
- d. Digunakan untuk memindahkan kuasa.

5. Antara berikut padanan nama dan gear manakah yang betul ?



6. Apakah komponen mekanikal yang sesuai digunakan untuk memindahkan produk yang besar dan berat seperti kontena dan kapal?

- a. Galas bebola
- b. Gelongsor
- c. Tali Sawat
- d. Tuil

7. Rajah menunjukkan sejenis alatan tangan.



Apakah komponen mekanikal yang digunakan pada alatan tersebut?

- a. Gear
- b. Bindu
- c. Tuas

8. Apakah langkah yang perlu dilakukan selepas membuat lakaran awal semasa membina gajet mekanikal?

- a. Kaji selidik
- b. Lukisan kerja
- c. Lakaran akhir
- d. Lakaran idea

9. Antara berikut manakah kelemahan pemegang lampu basikal yang menggunakan komponen mekanikal pautan?

- a. Sukar untuk dibuat pelarasan
- b. Mudah terbuka jika tidak dipasang kemas
- c. Bahagian pemegang mudah longgar
- d. Mempunyai cengkaman yang lemah

10. Apakah kemasan yang sesuai digunakan pada gajet lampu basikal?

- a. Syelek
- b. Tona kayu
- c. Cat sembur
- a. Cat air